

NAZA TTDI lancar pangsapuri dupleks 8 jenis reka bentuk

Projek
dikenali
TTDI Segaris
dijual serendah
RM793,100
seunit

Oleh Suffian A Bakar

suffian@bh.com.my

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI) baru-baru ini melancarkan kediaman dupleks pertama dibangunkan di Taman Tun Dr Ismail (TTDI), Kuala Lumpur.

Projek dinamakan TTDI Segaris bernilai bermilai RM227 juta itu menawarkan lapan jenis reka bentuk bersaiz antara 721 kaki persegi (kps) hingga 1,464 kps.

Timbalan Pengerusi Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Naza TTDI Group, SM Faliq SM Nasimuddin, berkata pangsapuri 28 tingkat itu menawarkan 185 unit kediaman dengan 153 daripadanya jenis dupleks, manakala baki 32 jenis setingkat.

Beliau berkata, TTDI Segaris

dijual pada harga RM1,100 sekaki persegi iaitu serendah RM793,100 seunit, dengan tarikh siap projek dianggarkan dalam tempoh 48 bulan selepas perjanjian jual beli.

Memberansangkan

“Sambutan sangat membangangkan dengan hampir 60 peratus projek ini sudah ditempah,” katanya pada majlis pelancaran projek itu, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (Pride), Datuk Mohd Zahir Zahir Hussain. Pride menguasai 20 peratus kepentingan dalam projek itu.

TTDI Segaris terletak di Persiaran Zaaba berhampiran stesen

aliran transit massa (MRT) dan beberapa lebuh raya utama seperti Lebuhraya Persekutuan dan Lebuh Raya Baru Lembah Klang (NKVE).

SM Faliq berkata, TTDI Segaris mengukuhkan lagi kedudukan syarikat di TTDI sejak kali pertama membangunkan kawasan itu pada tahun 1974.

“TTDI membuktikan rekod cemerlang dari segi kenaikan nilai dan hasil sewaan untuk semua hartanah,” katanya.

Beliau berkata, TTDI Segaris dijangka mampu menarik individu yang ingin menghuni kawasan elit terbabit atau mereka yang ingin memperluaskan portfolio pelaburan hartanah.

Tip hartaanah

Menghubungi ejen hartaanah untuk membeli rumah

Semak persempangan dan status ikan
Baca iklan maklumat untuk dijual sehingga habis dan maklumat maklumat ejen satz, jumlah baki tanur dan baki air, penganggaran bebas atau pajak, harga dan sebagainya. Lihat juga status ikan sama ada masih sedia ada atau sudah dijual.



Semak status pengiklan
Pastikan sama ada pengiklan seorang pertudung hartaanah yang berdaftar, ejen hartaanah percuulan atau ejen hartaanah. Biasanya akan dipaparkan nombor ejen bersama ikan. Ini untuk memastikan anda menghubungi mereka yang benar-benar berleseri dalam urusan jual beli hartaanah.

Bersedia dengan profil anda
Sediakan maklumat seperti gaji bersih anda setelah diakui, kewajipan lembur bulanan, mahu membeli rumah menggunakan pinjaman atau tunai serta merentangkan sumah pemana di dalam perjanjian jual dan beli (SJP).

Gunakan nombor telefon bimbit
Dicadangkan supaya membuat panggilan kepada ejen hartaanah dan telpon tetapi buat perbaiki usaha memudahkan perundungan senilai menghubungi anda semula pada masa akan datang.

Membuat remujiini
Bertanya bila anda boleh mendapatkan hartaanah yang inginkan dibeli jika anda membeli sekarang, bila ingin melihat rumah, berita masa yang dirasakan sesuai.

[FOTO YAZIT RAZALI]



Model TTDI Segaris.

Info

→ Naza TTDI adalah cabang hartaanah **Naza Corporation Holdings Sdn Bhd**.

→ Pride ditubuhkan sebagai **platform kepada prasarana** untuk meraih pulangan ekonomi daripada bank tanah dan hartaanah yang diberikan hak oleh kerajaan, terutama bagi membangunkan jaringan pengangkutan awam di Lembah Klang.



TTDI
membuktikan
rekod cemerlang
dari segi kenaikan
nilai dan hasil
sewaan untuk
kesemua
hartanah”

SM Falig
SM Nasimuddin,
Pengarah Urusan
Naza TTDI Group